



KENYATAAN MEDIA JABATAN PERDANA MENTERI

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Jabatan Perdana Menteri adalah dengan ini ingin memaklumkan bahawa **bermula esok, Hari Juma'at, 13hb., Ogos, 2021, semua Kementerian dan Agensi-Agenzi Perkhidmatan Awam dan Badan-Badan Berkanun**, tempoh **masa beroperasi di pejabat secara fizikal (Work From Office)** adalah sama seperti yang lazimnya dilaksanakan setiap tahun pada bulan Ramadhan. Usaha tambahan ini akan dapat mengurangkan perjalanan keluar masuk pejabat bagi mereka yang diperlukan bekerja di pejabat secara fizikal (*Work From Office*) yang mana akan mengurangkan lagi risiko jangkitan dan akan dapat memberikan perlindungan tambahan kepada para *essential workers*.

Pengemaskinian tempoh bekerja ini merupakan usaha tambahan kepada kaedah-kaedah diperkenalkan di dalam *Business Continuity Plan* (BCP) sehingga kini yang telah diaktifkan, khususnya pelaksanaan *flexible working arrangement* dengan kaedah *blended Work From Home & Work From Office* serta mengurangkan keperluan tenaga kerja untuk hadir ke pejabat secara fizikal pada satu-satu masa.

Langkah-langkah pengawalan yang disebutkan tadi adalah **sementara sahaja sehingga satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian**.

JABATAN PERDANA MENTERI

Jalan Perdana Menteri
Bandar Seri Begawan BB3913
Negara Brunei Darussalam

3 Muharram 1443
12 Ogos 2021